

U B290 DEB

MAHATHIR - PERPADUAN 3 KUALA LUMPUR

SEBAB ITULAH BN MEMILIH SLOGAN ITU BAGI MENINGAT RAKYAT HANYA KERAJAAN BN, DAPAT MEMBELA MEREKA SEPERTI TERBUKTI MELALUI SEJARAH PERJUANGAN PARTI CAMPURAN ITU SEJAK DULU-DULU LAGI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI PERCAYA DENGAN INI RAKYAT AKAN TERUS MEMBERI MANDAT KEPADA BN UNTUK MEMERINTAH DENGAN MAJORITI DUA PERTIGA YANG PENTING BAGI MENJAMIN KEKUKUHAN KERAJAAN YANG BAKAL TERTUBUH UNTUK MENERUSKAN PEMBANGUNAN NEGARA.

SEMASA MENYENTUH ASPEK DEMOKRASI YANG MENJADI SATU DARIPADA 13 PERKARA PENTING DALAM MANIFESTO BN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PILIHAN RAYA YANG DIADAKAN KINI DENGAN SENDIRINYA MEMBUKTIKAN BN HENDAK MEMELIHARA DEMOKRASI.

+SAYA DUKACITA ADA PULA PARTI YANG MENCUBA MENGHALANG PILIHAN RAYA INI MELALUI TINDAKAN UNDANG-UNDANG. SEKALI PUN ADA ASAS UNDANG-UNDANG DALAM SESUATU TINDAKAN, TETAPI RAKYAT HARUS DIBERI PELUANG MENGUNDI,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA SEBENARNYA PARTI YANG MENCUBA MENGHALANG PILIHAN RAYALAH YANG TIDAK DEMOKRATIK DAN SESUNGGUHNYA BN BERSIKAP DEMOKRATIK KERANA SANGGUP MENGADAKAN PILIHAN RAYA. -- LAGI.
1439MST 25 07 86

D764

U B291 DEB

MAHATHIR - PERPADUAN 4 KUALA LUMPUR

SEMASA MENYENTUH KESELURUHAN INTISARI MANIFESTO BN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MESEJ YANG DETEKANKAN IALAH PENGALAMAN DAN BUKTI KEJAYAAN BN MEMERINTAH SEJAK SEBELUM DAN SELEPAS MERDEKA.

KATANYA BN TELAH MEMBERI KHIDMAT DALAM SEMUA BIDANG NEGARA DENGAN MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN SEMUA KAUM SAMA ADA DI BANDAR MAHUPUN DI LUAR BANDAR.

KATANYA TIDAK SIAPA DAPAT MENAFIKAN BAHAWA NEGARA MENCAPAI PEMBANGUNAN DALAM BIDANG PEMBANGUNAN, PELAJARAN, KESIHATAN DAN EKONOMI YANG BERJAYA DIPELBAGAIKAN DARIPADA BERASASKAN PERTANIAN SEMATA-MATA.

BELIAU BERKATA RAKYAT HARUS BERSYUKUR BAHAWA NEGARA INI MENJADI IDAMAN BANYAK PENDUDUK NEGARA LAIN YANG TIDAK SEBEGITU BERNASIB BAIK SEPERTI RAKYAT NEGARA INI.

MENGENAI PERUMAHAN, BELIAU BERKATA PELBAGAI KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN TERMASUK INFRASTRUKTUR DAN KEWANGAN BAGI MENJAYAKAN RANCANGAN KHAS MENDIRIKAN RUMAH KOS RENDAH 80,000 UNIT SETAHUN DAN HARGANYA MUNGKIN DAPAT DIKURANGKAN KEPADA KIRA-KIRA \$20,000. --
BERNAMA.

1441MST 25 07 86